


Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)



LAPORAN TAHUNAN


Penyata Kewangan 2022



LAPORAN TAHUNAN

Penyata Kewangan

2022



OBJEKTIF LAPORAN TAHUNAN

- i. Membantu pemahaman mengenai sesebuah BBP, objektif, fungsi dan operasinya termasuk program, aktiviti dan projek yang dijalankan sepanjang tahun;
- ii. Memberi maklumat mengenai perancangan dan hala tuju BBP;
- iii. Memberi maklumat mengenai matlamat dan pencapaian outcome program, aktiviti dan projek;
- iv. Memberi gambaran mengenai kedudukan kewangan secara keseluruhan;
- v. Memberi maklumat mengenai kesan dan impak pelaksanaan program, aktiviti dan projek kepada perubahan tahap sosio-ekonomi golongan sasaran; dan
- vi. Memberi maklumat mengenai penyediaan sumber dan bantuan oleh Kerajaan Persekutuan kepada BBP.



RASIONAL MUKA DEPAN

Melangkah ke tahun 2022, kita menyaksikan gelombang transformasi dinamik ke arah era digital, bukan hanya di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Pasca pandemik menyaksikan ekonomi dunia berlumba-lumba untuk kembali berdaya saing. Transformasi ke arah pendigitalan telah mewarnai pembangunan landskap negara yang baharu, di mana setiap ceruk negara dan industri akan terkesan dengan perubahan dan perkembangan terbaru ini.

Berlandaskan kepada trend pembangunan terkini, rekaan muka depan laporan tahunan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) jelas menggambarkan konsep tema. Gelombang warna kuning aurora melambangkan ketersediaan LJBM, selaku agensi yang bernaung di bawah Kementerian Kerja Raya menjadi salah satu pemacu dalam pembangunan industri pembinaan negara.

Pendek kata, LJBM memandang ke masa depan dan komited dalam menyahut keperluan untuk merapatkan jurang digital selaras dengan perkembangan ke arah dunia tanpa sempadan.



ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua	04
Maklumat Pengurusan	08
Maklumat Ahli Lembaga	13
Maklumat Statistik	16
Laporan Penerimaan dan Penggunaan Sumber Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	22
Laporan dan Analisis Prestasi Kewangan	24
Aktiviti Sepanjang Tahun 2022	27
Penyata Kewangan 2022	56

KEPERLUAN BERKANUN

Berasaskan kepada Akta Badan-Badan Berkanun [Akta 605], Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2022 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara.



Yang DiPertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

PERUTUSAN YANG DIPERTUA



PERUTUSAN YANG DIPERTUA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) bagi tahun 2022 dapat diterbitkan tepat pada masanya selaras dengan kehendak Akta Badan-Badan Berkanun [Akta 605]. Penerbitan laporan ini bertujuan untuk melaporkan prestasi dan pencapaian LJBM sepanjang tahun 2022 di samping membentangkan kedudukan kewangan LJBM.

Rata-rata kita memulakan tahun 2022 dengan jangkaan bahawa ekonomi global akan pulih seiring dengan berlalunya situasi pandemik. Namun begitu, kita sentiasa perlu beringat tentang ketidakpastian masa hadapan. Kita tidak boleh leka dan berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi. Peristiwa yang berlaku di dunia sejak beberapa tahun yang lalu adalah peringatan penting bahawa kita perlu merancang untuk menghadapi kejutan dan bersedia untuk bertindak balas dengan sewajarnya. Sejauh mana kita dapat mengharungi krisis masa hadapan bergantung kepada tindakan yang kita ambil hari ini. Sayogia, keutamaan LJBM adalah untuk memastikan kawalan kewangan terancang, bersandar kepada kaedah penjimatan. Hal ini bermakna pelarasan dasar perbelanjaan adalah secara berhemah dan terkawal untuk mengekalkan kestabilan kedudukan kewangan dan memelihara daya tahan agensi.

Dalam laporan ini, LJBM menggariskan pencapaian dan perkembangan penting yang menjurus ke arah visi yang ditetapkan dalam Pelan Strategik LJBM. Tumpuan diberikan



Rata-rata kita memulakan tahun 2022 dengan jangkaan bahawa ekonomi global akan pulih seiring dengan berlalunya situasi pandemik. Namun begitu, kita sentiasa perlu beringat tentang ketidakpastian masa hadapan.



DATUK Sr AMRAN BIN MOHD MAJID
CQS, FRISM, DPSM, PPT

Yang DiPertua

kepada empat (4) Teras Strategik Utama iaitu Keberkesanan Kawal Seliaan, Kecemerlangan Pembangunan Profesional, Kolaborasi Strategik Dan Hubungan Antarabangsa dan Pengukuhan Tadbir Urus Yang Efektif. Teras-teras tersebut disokong dengan strategi dan pelan tindakan serta disusuli dengan pemantauan dan penilaian terhadap aktiviti yang dilaksanakan agar sejajar dengan aspirasi LJBM.

KEBERKESANAN KAWAL SELIAAN

Memartabatkan Kawal Selia Berlandaskan Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016)

Bagi meningkatkan budaya berintegriti, Juruukur Bahan dan firma perunding ukur bahan sentiasa diingatkan untuk mematuhi keperluan yang digariskan di Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) dan Kaedah-kaedah Ukur Bahan (2016) serta semua Pekeliling serta Garis Panduan yang terkini.

Di LJBM, Ahli-ahli Lembaga serta semua Ahli-ahli Jawatankuasa telah diwajibkan untuk menandatangani "Integrity Pact" sebagai aku janji meningkatkan integriti dan ketelusan dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

Pengurusan Integriti dan Governans (IGU)

Pengurusan integriti dan governans bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat umum tentang pentingnya kita mengamalkan nilai-nilai murni dan berintegriti secara berterusan serta bebas daripada amalan rasuah. Bersempena sambutan Hari Integriti 2022,

LJBM selaku agensi Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) telah bersama-sama memeterai majlis menandatangani Nota Kerjasama di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan KKR. Nota Kerjasama ini merupakan penambahbaikan kepada Memorandum Persefahaman (MoU) ke Arah Pembanterasan Rasuah antara KKR dan SPRM yang telah dimeterai pada 1 Julai 2013.

Pembangunan Pelan Anti Rasuah

Pelan Anti Rasuah LJBM telah dibangunkan dan sedang dalam semakan Unit Integriti, Kementerian Kerja Raya Malaysia.

KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Dalam menjalankan fungsinya, LJBM akan terus menggalakkan pembelajaran secara berterusan di kalangan ahli-ahlinya. Pembelajaran ini akan meningkatkan kompetensi dan kecekapan Juruukur Bahan secara progresif ke arah penyediaan modal insan yang lestari. Jawatankuasa "Continuous Professional Development (CPD)" telah merekodkan sasaran untuk menganjurkan sekurang-kurangnya 6 program CPD setahun untuk merealisasikan hasrat ini. Untuk mencapai matlamat ini, LJBM juga telah memulakan usaha dengan membangunkan Sistem "myProfessional Journey" yang memudah cara proses menaiktaraf pendaftaran. Terkandung di dalamnya adalah modul "myCPD" bagi ahli merekod dan memantau program-program pembangunan professional berterusan.

KOLABORASI STRATEGIK DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Sebagai sebuah badan berkanun, LJBM telah terlibat dalam perbincangan berkait penggubalan dasar dan persediaan ke arah kolaborasi strategik dan hubungan antarabangsa. Ini termasuk isu-isu berkaitan skop perkhidmatan ukur bahan, pendaftaran Juruukur Bahan dan akreditasi program Ijazah dan Diploma Ukur Bahan. LJBM turut dilantik sebagai Ahli Pasukan Kerja Teknikal "Technical Working Group – 5" (TWG-5) Dasar Pembinaan Negara 2030.

PENGUKUHAN TADBIR URUS YANG EFEKTIF

LJBM bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang menyeluruh dan sistem pengurusan risiko mencukupi serta berkesan untuk memberi jaminan terhadap pencapaian objektif. Tanggungjawab ini dipikul dalam menjalankan kuasa untuk melaksanakan fungsi di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) [Akta 487]. Ini melibatkan perancangan, penilaian dan penggubalan dasar-dasar baharu selaras dengan perubahan landskap dan cabaran semasa. Inisiatif ini diperjelaskan melalui pembangunan Pelan Strategik Organisasi, Pelan Anti Rasuah

Organisasi, Pelan Strategik Pendigitalan, Pekeliling dan Garis-Garis Panduan yang masih berkuatkuasa.

Dalam konteks penyampaian prestasi perkhidmatan yang cekap dan efisien, pihak pengurusan LJBM komited memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015). Pemantauan dan pengurusan prestasi dibincangkan dan ditambahbaik secara berterusan. LJBM mengambil pendekatan dengan melantik SIRIM Berhad sebagai badan pensijilan agar selari dengan badan pensijilan agensi-agensi kerajaan yang lain. Di samping itu, LJBM telah meluaskan skop dengan menambah skop aduan sebagai Objektif Kualiti.

Memandangkan keadaan ekonomi global dijangka terus mencabar, penting bagi LJBM untuk terus mengukuhkan kedudukan rizab risikonya, LJBM telah membeli lima (5) unit pejabat di Menara Ochre, Putrajaya melalui Putrajaya Holdings berjumlah RM3,492,770 juta sebagai aset. Pejabat LJBM Putrajaya akan dijadikan pusat latihan bagi program-program anjuran LJBM dan terbuka untuk disewa oleh mana-mana agensi kerajaan. Pembelian ini dibuat berdasarkan punca kuasa peruntukan Seksyen 4A (a), Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2015). Pejabat yang menjadi hakmilik persendirian LJBM ini adalah pelaburan jangka panjang yang akan meningkatkan jumlah aset sedia ada.

KEWANGAN LJBM

LJBM mengurus kewangannya dengan matlamat memastikan organisasi mempunyai sumber untuk melaksanakan mandatnya. Dalam melaksanakan mandat ini, LJBM komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan sumber organisasi. Meskipun LJBM adalah badan berkanun, ia tidak bergantung pada dana daripada Kerajaan untuk membiayai kos operasi harian. Sebaliknya, ia dibiayai oleh pendapatan yang diperoleh daripada pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran serta program-program berbentuk seminar atau ceramah yang dianjurkan.

Pada tahun 2022, LJBM telah menjana pendapatan berjumlah

RM3,756,828 juta

(2021: RM3,174,260)

Daripada jumlah pendapatan ini, LJBMM mengeluarkan perbelanjaan untuk mengurus dan mentadbir operasi ("perbelanjaan berulang") dan perbelanjaan untuk membiayai projek pembangunan sistem dan projek jangka panjang selaras dengan objektif dan fungsi utama LJBMM ("perbelanjaan pembangunan"). Ini termasuk perbelanjaan untuk menyelenggara infrastruktur sistem atas talian yang telah dibangunkan. Pada tahun 2022, perbelanjaan berulang dan perbelanjaan pembangunan ini berjumlah RM2,771,239 juta (2021: RM2,284,857 juta). Lebih pendapatan LJBMM sebelum cukai berjumlah RM985,589 ribu (2021: RM889,403 ribu). Keuntungan bersih LJBMM selepas cukai berjumlah RM955,436 ribu (2021: RM861,388 ribu).

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN)

Sambutan HPTN adalah simbolik penghargaan dan pengiktirafan kepada warga teknikal atas jasa dan sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan landskap pembangunan negara. Sebagai rakan strategik, LJBMM telah menganjurkan:

- Hari Terbuka;

- Ceramah kepada pelajar universiti (UiTM Seri Iskandar & Universiti Malaya);

- Penyerahan Sijil Anugerah Pelajar Cemerlang; dan

- Program Q&A Jom!Lumba

Sumbangan Kepada Badan Kebajikan

LJBMM telah menyalurkan dana sebanyak RM3,500.00 kepada badan kebajikan Anak Kesayanganku sebagai Peruntukan Bayaran Zakat Tahunan.

Akhir kata, selaku Yang DiPertua, sukacita saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia, YBhg. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia, YBhg. Ketua Pengarah Kerja Raya, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, serta pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Audit Negara, Ahli-ahli Lembaga dan Ahli-ahli Jawatankuasa Sesi Ke-20 (2021–2023), Sekretariat Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan rakan-rakan strategik yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Sumbangan dan komitmen yang diberikan amat dihargai dan didoakan agar sentiasa diberi kesihatan yang baik dan memperolehi kejayaan di masa hadapan.



MAKLUMAT PENGURUSAN

PENGENALAN

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen iaitu Akta Juruukur Bahan 1967 (pindaan 2016).

VISI

Menjadi agensi cemerlang yang ulung dalam mengawal selia profesion ukur bahan dan kejuruteraan kos.

MISI

Memupuk perkembangan profesion ukur bahan dan kejuruteraan kos yang bertaraf antarabangsa melalui kawal seliaan dan pembangunan profesional yang berterusan.

MAKLUMAT KORPORAT

OBJEKTIF

Objektif-objektif LJBK adalah:


- Melindungi kepentingan orang awam.
- Memastikan pertanggungjawaban dan kualiti perkhidmatan.
- Melindungi hak dan kepentingan Juruukur Bahan Berdaftar selaras dengan Akta Juruukur Bahan.
- Terlibat sama dalam merangka polisi kerajaan yang berkaitan dengan profesion.
- Memastikan profesion ukur bahan sentiasa relevan dan lestari.

PIAGAM PELANGGAN

Memproses dan meluluskan semua permohonan yang lengkap untuk pendaftaran dengan Lembaga dalam tempoh masa dua bulan daripada tarikh penerimaan sesuatu permohonan oleh Lembaga.

STRUKTUR ORGANISASI

Sesi Ke-20



Sesi Ke-20





MAKLUMAT AHLI LEMBAGA

AHLI LEMBAGA

Sesi Ke-20

Yang DiPertua: **Dato' Sr Aziz bin Abdullah, CQS**
Pendaftar: **Sr Jamisah binti Ibrahim, CQS**
Setiausaha: **Sr Dr. Wan Azlina binti Ibrahim, CQS**

Ahli-Ahli :

Sr Amran bin Mohd Majid, CQS
Sr Siti Baizura binti Mohamad Noor, CQS
Sr Zulkipeli bin Yamat, CQS
Sr Rogayah binti Yunus, CQS
Sr Jumin bin Gondikit, PQS (mendiang)
Sr Mohd Zaid bin Zakaria, CQS
Asst. Prof. Sr Dr. Roziha binti Che Haron, PQS
Dato' Sr Hisham bin Jafrey, CQS
Sr Ahmad Suhaimi bin Abdul Majid, CQS
Sr Paul Tiong Kui Chiong, CQS
Sr Kamarudin bin Sulaiman, CQS
Sr Khoo Sui Lai, CQS
Sr Muhamad Zulazhar bin Mohd Ghazali, CQS
Prof. Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim, CQS

Wakil daripada Lembaga:

Ir. Mohd Khir bin Muhammad
(Wakil Lembaga Jurutera Malaysia)

Ar. Mustapha bin Mohd Salleh
(Wakil Lembaga Arkitek Malaysia)




STATISTIK BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA

Sesi Ke-20
(Sepanjang Sesi-20)


Bilangan Mesyuarat	Peratus Kehadiran	Tarikh
Mesyuarat Bil. 1	83.33%	11 Mac 2021
Mesyuarat Bil. 2	86.84%	20 Mei 2021
Mesyuarat Bil. 3	91.23%	1 Julai 2021
Mesyuarat Bil. 4	89.47%	12 Ogos 2021
Mesyuarat Bil. 5	90.53%	23 September 2021
Mesyuarat Bil. 6	90.35%	12 November 2021
Mesyuarat Bil. 7	90.98%	27 Januari 2022
Mesyuarat Bil. 8	90.70%	16 Mei 2022
Mesyuarat Bil. 9	91.20%	6 September 2022
Mesyuarat Bil. 10	89.88%	29 November 2022
Mesyuarat Bil. 11	90.25%	13 Januari 2023

PERATUS KEHADIRAN MESYUARAT
SEPANJANG SESI 20

90.07%



MAKLUMAT STATISTIK



STATISTIK PENDAFTARAN

Ahli Juruukur Bahan Berdaftar
Setakat 31 Disember 2022

(a) Jumlah Pendaftaran Individu Mengikut Tahun (Juruukur Bahan *Consultant*, Juruukur Bahan *Professional*, Juruukur Bahan *Provisional* dan Juruukur Bahan *Technologist*)

Juruukur Bahan *Consultant*

2022		170
2021		70
2020		88

Juruukur Bahan *Professional*

2022		92
2021		73
2020		70

Juruukur Bahan *Provisional*

2022		881
2021		975
2020		658

Juruukur Bahan *Technologist*

2022		15
2021		30
2020		30

Nota: Kategori Juruukur Bahan *Technologist* mula diperkenalkan pada tahun 2017 berikutan pindaan Akta Juruukur Bahan 1967

(b) Statistik Pendaftaran Setakat 31 Disember 2022

Pendaftaran Baharu
Tahun 2022

1,158

Pemasukan Semula
Pendaftaran Tahun 2022

66

Pendaftaran Baharu
Tahun 2022

24

Pemasukan Semula
Pendaftaran Tahun 2022

0

Lulus Pembaharuan
Pendaftaran Tahun 2022

4,515

Jumlah Aktif Individu
dan Firma

5,653

Individu



Lulus Pembaharuan
Pendaftaran Tahun 2022

377

Jumlah Aktif Individu
dan Firma

407

Firma



(c) Pecahan Statistik Pendaftaran
Bagi Tahun 2022

Jumlah

1,158 orang



Pendaftaran Individu



Juruukur Bahan *Provisional*
881




Juruukur Bahan *Consultant*
170



Juruukur Bahan *Professional*
92



Juruukur Bahan *Technologist*
15



Pendaftaran Firma

Ketuanpunyaan Tunggal	9
Pertubuhan Perbadanan	14
Praktis Multidisiplin	1
Perkongsian	0


JUMLAH PENDAFTARAN

24 Firma

STATISTIK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN TIER-II


Majlis Peperiksaan Ukur Bahan (QSEC)
Bagi Tahun 2022

Keputusan Peperiksaan Sesi Februari 2022



Peratus Lulus **33%**

Keputusan Peperiksaan Sesi September 2022



Peratus Lulus **78%**

SENARAI PROGRAM UKUR BAHAN YANG DIIKTIRAF OLEH LJBM

Majlis Akreditasi Ukur Bahan (QSAC) • Bagi Tahun 2022

LJBM telah meluluskan akreditasi bagi program ukur bahan yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) tempatan dan luar negara sehingga 2022 seperti berikut:

PULAU PINANG



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BSc (Housing, Building and Planning) (Honours)
(Quantity Surveying)
01/01/2019 – 31/12/2024

PERAK



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
CAWANGAN PERAK, KAMPUS SERI ISKANDAR
Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)
09/09/2018 – 08/09/2023

KUALA LUMPUR



INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR
Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)
18/09/2022 – 17/09/2025



UNIVERSITI UCSI
Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)
28/02/2023 – 27/02/2026



HERIOT WATT UNIVERSITY MALAYSIA
Bachelor of Science In Quantity Surveying
01/11/2022 – 31/10/2027



KOLEJ UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
KUALA LUMPUR (KAMPUS INDUK)
Bachelor of Quantity Surveying (Honours)
01/03/2021 – 28/02/2026



UNIVERSITI MALAYA
Bachelor of Quantity Surveying
01/04/2020 – 31/03/2025



INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
Bachelor of Quantity Surveying (Honours)
18/12/2022 – 17/12/2027



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Bachelor of Quantity Surveying – Full Time Study
23/01/2020 – 22/01/2025



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
PUSAT PENGAJIAN KUALA LUMPUR
Bachelor of Quantity Surveying – Part Time Study
05/04/2020 – 04/04/2025

SELANGOR



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM
Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)
25/07/2019 – 24/07/2024



UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN
(SG. LONG CAMPUS)
Bachelor of Science (Honours) Quantity Surveying
22/07/2022 – 21/07/2027



TAYLOR'S UNIVERSITY
Bachelor of Quantity Surveying (Honours)
20/09/2021 – 19/09/2026



KOLEJ UNIVERSITI IMPERIA
(formerly known as IMPERIA College)
BSc (Hons) Quantity Surveying & Cost Management (3+0)
in Collaboration with Liverpool John Moores University
01/04/2022 – 31/03/2023



SEGi UNIVERSITY
Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying
06/09/2020 – 05/09/2023



NEGERI SEMBILAN



KOLEJ UNIVERSITI LINTON
Bachelor of Science (Honours) In Quantity Surveying

28/05/2018 – 27/05/2023



INTI INTERNATIONAL UNIVERSITY
Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying

03/03/2021 – 28/02/2026

JOHOR



UNIVERSITY OF READING MALAYSIA
BSc (Hons) Quantity Surveying

20/10/2021 – 19/10/2023



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, PUSAT PENGAJIAN JOHOR
BSc (Hons) Quantity Surveying

04/02/2021 – 03/02/2023

SABAH



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, PUSAT PENGAJIAN KOTA KINABALU
Bachelor of Quantity Surveying – Part Time Study

04/02/2021 – 03/02/2024

SARAWAK



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SARAWAK, KAMPUS SAMARAHAN

Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)

01/01/2021 – 31/12/2025



UNIVERSITI TEKNOLOGI SARAWAK
Bachelor of Quantity Surveying (Hons.)

01/01/2021 – 31/12/2025



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, PUSAT PENGAJIAN KUCHING
Bachelor of Quantity Surveying – Part Time Study

04/02/2021 – 31/08/2024



CURTIN UNIVERSITY MALAYSIA, KAMPUS SARAWAK

Bachelor of Applied Science (Construction Management) (Honours)

13/12/2022 – 12/12/2025



SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY SARAWAK CAMPUS
Bachelor of Quantity Surveying (Honours)

21/12/2021 – 20/12/2026
Akreditasi Sementara



UNIVERSITY MALAYSIA SARAWAK
Bachelor In Quantity Surveying with Honours

01/11/2022 – 31/10/2025

**PROGRAM IJAZAH
UKUR BAHAN YANG
DIIKTIRAF (MALAYSIA)**

PROGRAM IJAZAH UKUR BAHAN YANG DIKTIRAF (ANTARABANGSA)

30/10/2018 – 29/10/2023

NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITY

BSc (HONS) IN QUANTITY SURVEYING & CONSTRUCTION COMMERCIAL MANAGEMENT



21/07/2021 – 20/07/2022

LIVERPOOL JOHN MOORES UNIVERSITY

BACHELOR OF SCIENCE (HONS) IN QUANTITY SURVEYING



03/11/2020 – 02/11/2025

UNIVERSITY OF READING

BSc (HONS) QUANTITY SURVEYING



01/04/2022 – 31/03/2027

SHEFFIELD HALLAM UNIVERSITY

BSc (HONS) QUANTITY SURVEYING



02/09/2021 – 01/09/2024

UNIVERSITY OF THE WEST OF ENGLAND

B.SC. (HONS) IN QUANTITY SURVEYING & COMMERCIAL MANAGEMENT



22/02/2022 – 21/02/2027

NORTHUMBRIA UNIVERSITY

BACHELOR OF SCIENCE (HONS) QUANTITY SURVEYING




17/12/2019 – 16/12/2024

CURTIN UNIVERSITY OF TECHNOLOGY

BACHELOR OF APPLIED SCIENCE (CONSTRUCTION MANAGEMENT)

For Internal Full-Time Mode of Study Only



A large, solid yellow circle is positioned behind the title text on the left side of the page.

LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

LAPORAN PENERIMAAN DAN PENGUNAAN SUMBER PEMBIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Berikut merupakan peruntukan (atau geran) kerajaan bagi tahun kewangan 2022

Bantuan Kerajaan	2022	2021	2020	2019	2018
Baki pada 1 Januari	238,564	433,752	-	-	-
Tambah : Terimaan dalam tahun semasa	-	-	433,752	-	-
Tolak : Pelunasan pada tahun semasa	(238,564)	(195,188)	-	-	-
Baki pada 31 Disember	-	238,564	433,752	-	-

Pemberian Geran

Pemberian oleh Kerajaan (Kementerian Kerja Raya Malaysia) ini bertujuan bagi membiayai kos-kos pembangunan Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan pematuhan SAGA. Geran ini dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai geran tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Geran ini tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan.



LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN DAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Berikut merupakan prestasi bagi tempoh 5 tahun (2022 -2018):

Bantuan Kerajaan	2022	2021	2020	2019	2018
Jumlah Pendapatan	3,756.83	3,174.26	2,774.63	3,541.79	3,567.31
Jumlah Perbelanjaan (Termasuk Cukai Pendapatan)	2,801.39	2,312.87	2,032.48	2,352.95	2,191.47
1. Nisbah Perbelanjaan kepada Pendapatan	1.34	1.37	1.37	1.51	1.63
2.Untung Bersih Bagi Tahun	955.44	861.39	742.14	1,188.84	1,375.85

Pada tahun 2022, jumlah pendapatan LJBK meningkat sebanyak RM582.57 ribu (18.3529%) berbanding RM3,174.26 ribu pada tahun 2021. Perbelanjaan bagi tahun 2022 pula meningkat sebanyak RM488.52 ribu (21.1218%) berbanding RM2,312.87 ribu pada tahun 2021.

Jumlah Pendapatan



↑ **18.35%**

meningkat sebanyak RM582.57 ribu berbanding pada tahun 2021

Jumlah Perbelanjaan



↑ **21.12%**

meningkat sebanyak RM488.52 ribu berbanding pada tahun 2021

Aset, Ekuiti dan Liabiliti	Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000)				
	2022	2021	2020	2019	2018
1. Jumlah Aset					
- Aset Bukan Semasa	7,279.36	6,017.05	4,752.99	4,515.69	4,010.14
- Aset Semasa	3,089.91	3,806.29	4,185.59	3,058.62	2,400.71
	10,369.27	9,823.34	8,938.58	7,574.31	6,410.85
2. Jumlah Equiti					
- Keuntungan Berkumpul	8,960.69	8,005.26	7,143.87	6,401.73	5,212.89
3. Jumlah Liabiliti					
- Liabiliti Bukan Semasa	32.40	59.44	40.35	28.93	95.66
- Liabiliti Semasa	1,376.18	1,758.65	1,754.36	1,143.66	1,102.31
	1,408.58	1,818.09	1,794.71	1,172.59	1,197.97
4. Jumlah Ekuiti dan Liabiliti	10,369.27	9,823.34	8,938.58	7,574.31	6,410.85

Terdapat peningkatan jumlah aset pada tahun 2022 sebanyak RM545.93 ribu iaitu 5.5575% berbanding RM9,823.34 ribu pada tahun 2021. Di samping itu, jumlah liabiliti berkurang sebanyak RM409.51 ribu iaitu 22.5240% daripada RM1,818.09 ribu pada tahun 2021. Jumlah keuntungan terkumpul meningkat sebanyak RM955.44 ribu iaitu 11.9351% disebabkan lebih pendapatan selepas cukai.

Jumlah Aset



⬆️ **5.56%**

meningkat sebanyak RM545.93 ribu
berbanding pada tahun 2021

Jumlah Perbelanjaan



⬇️ **22.52%**

berkurang sebanyak RM409.51 ribu
berbanding pada tahun 2021

ANALISA KEWANGAN 5 TAHUN LJBM

Berikut merupakan analisa kewangan bagi tempoh 5 tahun (2022 – 2018):

Nisbah Kewangan	Tahun Berakhir 31 Disember (RM'000)				
	2022	2021	2020	2019	2018
Nisbah Kecairan					
- Nisbah Semasa	2.25	2.16	2.39	2.67	2.18
- Nisbah Tunai	1.64	1.79	2.02	2.21	2.00

Nisbah Semasa

Pada tahun 2022, LJBM mempunyai aset semasa 2.25 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna LJBM mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2022 meningkat sebanyak 0.09 berbanding 2.16 bagi tahun 2021.



⬆️ **0.09%**

berbanding pada tahun 2021

Nisbah Tunai

Nisbah tunai sebanyak 1.64 pada tahun 2022 menunjukkan aset-aset cair dipegang oleh LJBM berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar LJBM dalam membiayai liabiliti semasa tanpa mengambilkira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.



⬇️ **0.15**

berbanding pada tahun 2021



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2022

JAWATANKUASA PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN


PROGRAM PENDAFTARAN BERKELOMPOK LJBM DENGAN UNIVERSITI YANG DIKTIKRAF

Program ini merupakan inisiatif Jawatankuasa untuk memudahkan proses pendaftaran oleh pelajar tahun akhir dari segi prosedur pendaftaran, pengemukakan dokumen permohonan dan keperluan pembaharuan pendaftaran untuk tahun pertama. Beberapa siri program telah dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti yang terlibat.

Objektif Program

- Membolehkan pelajar tahun akhir berdaftar dan menerima sijil pendaftaran masing-masing seawal tarikh graduasi mereka;
- Taklimat ringkas mengenai keperluan dan laluan pendaftaran dengan LJBM; dan
- Bimbingan mengenai prosedur pendaftaran melalui Sistem ReQSys.

01.04 2022	Universiti
	• Universiti Malaya • Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
	Penceramah Prof Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim
	Lokasi Secara dalam talian
14.07 2022	Universiti
	• UTM Skudai • UTM Johor Bahru • UTM Kota Kinabalu
	Penceramah Sr Fadilah binti Mohamad Camaludin
	Lokasi Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia
16.08 2022	Universiti
	• Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan • Universiti Sains Malaysia (USM)
	Penceramah Prof Madya Sr Dr. Mohd Suhaimi bin Mohd Danuri
	Lokasi Secara dalam talian
20.09 2022	Universiti
	• Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC)
	Penceramah Sr Fadilah binti Mohamad Camaludin
	Lokasi Fakulti Alam Bina, Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)



Bilangan pelajar yang berdaftar dengan LJBM melalui program ini dalam tahun 2022:

Universiti Teknologi MARA – Shah Alam		134
Universiti Teknologi MARA – Seri Iskandar		42
Universiti Teknologi MARA – Kota Samarahan		46
Universiti Teknologi Malaysia (UTM Space), Johor Bahru		3
Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Kota Kinabalu		10
Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Kuching		41
Universiti Malaya		37
Universiti Tunku Abdul Rahman		40
Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman		118
University College of Technology Sarawak		26
Universiti Sains Malaysia		15

PROGRAM BERKAITAN PENDAFTARAN LJBM

Golongan sasaran bagi program berkaitan pendaftaran ini adalah:

- Pelajar-pelajar Universiti yang menawarkan program Ukur Bahan yang diiktiraf; dan
- Jabatan Kerajaan yang berminat.

Objektif Program

- Untuk memberi penerangan mengenai keperluan berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, termasuk implikasi terhadap mereka yang tidak berdaftar tetapi masih menjalankan kerja-kerja sebagai Juruukur Bahan; dan
- Penerangan mengenai keperluan dan laluan pendaftaran dengan LJBM.

BQSM Professional Talk: Route to Professional Registration

09.03 2022	Universiti • Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (UTMKL) • Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar	21.10 2022	Universiti • UTMKL • UTM Space (Johor Bahru)
	Penceramah Sr Hisham bin Bakar		Penceramah Sr Hisham bin Bakar
	Peserta Pelajar-Pelajar Program Diploma Ukur Bahan		Peserta Pelajar-Pelajar Program Diploma Ukur Bahan
	Lokasi Secara dalam talian		Lokasi Secara dalam talian
14.09 2022	Universiti • UCSI University	20.09 2022	Universiti • Heriot Watt University Malaysia
	Penceramah Prof Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim		Penceramah Prof Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim
	Peserta Pelajar-Pelajar Program Ijazah Ukur Bahan		Peserta Pelajar-Pelajar Program Ijazah Ukur Bahan
	Lokasi UCSI University		Lokasi Heriot Watt University Malaysia



PENGANJURAN PROGRAM DAN MAJLIS

Majlis Penyampaian Sijil Profesional LJBM Kali Ke-4

- Merupakan program tahunan yang dimulakan pada tahun 2017 dan program pada kali ini adalah penganjuran kali keempat.
- Sijil Profesional LJBM disampaikan kepada ahli ukur bahan berdaftar yang memperolehi pendaftaran profesional mereka pada tahun 2019 – 2022 seperti berikut :

26

orang
Juruukur Bahan
Consultant

78

orang
Juruukur Bahan
Professional

1

orang
Sijil Khas (PQS)

Nota:
Sijil Khas adalah bagi menghargai usaha dan perjalanan Allahyarham Muhammad Hisyamuddin bin Mustapha dalam menaik taraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan Professional Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.

- Tetamu Kehormat: YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya.

Tarikh:

16.05.2023

Tempat:

Hotel Hilton Kuala Lumpur



Program Sempena Hari Profesion Teknikal Negara 2022

Sempena Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2022 pada 20 – 21 Disember 2022, LJBM telah mengadakan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) Hari Bertemu Pelanggan LJBM
 - Pembaharuan Pendaftaran LJBM
 - Pendaftaran LJBM
 - Khidmat Nasihat mengenai Laluan Pendaftaran LJBM
 - Semakan mata CPD
- (ii) Program Bersama Pelajar
 - Jumlah Pelajar: 77 orang dan 5 Pensyarah
 - Aktiviti: QSJom!Lumba dan STEM!Trivia Challenge
 - Ceramah: *Route to Professional QS* oleh Sr Fadilah binti Mohamad Camaludin
- (ii) Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Program Ukur Bahan

Tarikh:

20 – 21.12.2023

Tempat:

Kompleks Kementerian
Kerja Raya, Jalan Sultan
Salahuddin, Kuala Lumpur



KURSUS ESSENTIALS FOR DIRECTOR: CORPORATE DIRECTOR TRAINING PROGRAMME

Objektif Program

Kursus Wajib Untuk Prinsipal/Rakan Kongsi/Pengarah Firma Perunding Ukur Bahan anjuran bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan objektif berikut:

- Pemahaman mengenai konsep, ciri dan kepentingan sesebuah syarikat.
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah, setiausaha syarikat dan juruaudit.
- Pengetahuan asas tentang tadbir urus sosial dan korporat.
- Pemahaman tentang liabiliti korporat di Malaysia.
- Sesi Bersama Pendaftar LJBK.

Kursus Essentials for Director: Corporate Director Training Programme

22.11 2022	Anjuran Bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia
	Penceramah • LJBK : Sr Jamisah binti Ibrahim • SSM : Madam Ravinderjit Kaur • MACC : En. Mohd Nur Lokman bin Samingan
	Peserta Prinsipal/Rakan Kongsi/Pengarah Firma Perunding Ukur Bahan
	Lokasi Secara dalam talian



JAWATANKUASA KECIL ASSESSMENT PROFESSIONAL COMPETENCE (APC)

PROGRAM MENAIK TARAF PENDAFTARAN SEBAGAI JURUUKUR BAHAN *PROFESSIONAL*

Beberapa siri program telah diadakan bertujuan untuk membimbing Juruukur Bahan *Provisional* dalam prosedur penaiktarafan pendaftaran mereka sebagai Juruukur Bahan *Professional* seperti berikut:

Bengkel Penyediaan Laporan Analisa Kritikal bagi Skim APC

Objektif Program

- Memberi panduan dalam penyediaan Laporan Analisa Kritikal yang berkualiti bagi Skim *Assessment of Professional Competence (APC)*;
- Memastikan setiap Laporan Analisa Kritikal mencapai tahap kualiti yang diperlukan dan sedia dicetak untuk dikemukakan kepada LJBM;
- Mempromosi dan menarik minat Juruukur Bahan *Provisional* untuk berdaftar sebagai Juruukur Bahan *Professional* dengan memberi penerangan mengenai prosedur yang perlu dilalui oleh ahli bagi menaik taraf pendaftaran mereka;
- Bimbingan secara terus kepada golongan sasar, di mana peserta dibahagikan mengikut kumpulan berdasarkan peringkat persediaan dan laluan naik taraf masing-masing; dan
- Sesi *one-to one* di antara peserta dan fasilitator untuk semakan dan penambahbaikan draf Laporan Analisa Kritikal masing-masing.

Sesi: Mei 2022

Tarikh: 28.05.2022

Lokasi: Secara dalam talian

35 orang
Peserta



Statistik Penerimaan Laporan Analisa Kritikal yang Lengkap oleh Peserta Bengkel

Bengkel Penyediaan Laporan C.A. bagi calon laluan *Experience & Graduate*

Jumlah Kehadiran



Penerimaan Laporan Analisa Kritikal



Bengkel Penyediaan Laporan C.A. bagi calon laluan *Academician*

Jumlah Kehadiran



Penerimaan Laporan Analisa Kritikal



MAJLIS AKREDITASI UKUR BAHAN (QSAC)

Objektif

Lawatan akreditasi dilakukan bertujuan membuat penilaian kualitatif bagi mengesahkan perkara yang dijelaskan dalam dokumentasi dan isu-isu yang dibangkitkan daripada penilaian dokumen berdasarkan Laporan Awal yang dinilai oleh panel penilai.

Lawatan Penilaian Akreditasi ke Kolej Antarabangsa Imperia (Nama Lama: Kolej Imperia)

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

Kolej Antarabangsa Imperia (Nama Lama : Kolej Imperia)
"BSc (Hons) Quantity Surveying and Cost Management 3+0 In Collaboration with Liverpool John Moores University, UK" (MQA/FA 1973)

Tarikh Lawatan:

13 – 14.01.2022

Lokasi Lawatan:

Kolej Antarabangsa IMPERIA, Subang Jaya, Selangor

Panel Penilai Akreditasi:

- Prof. Madya Sr Hasmawati binti Harun, CQS (Pengerusi)
- Sr Dr. Shamsulhadi bin Bandi, PQS
- Sr Kamarudin bin Sulaiman, CQS
- Sr Wan Mas Ruhi binti Wan Addnan, CQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Pusat Pengajian Kuching

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

UTM Pusat Pengajian Kuching
Program "Bachelor of Quantity Surveying" Separuh Masa

Tarikh Lawatan:

24.01.2022

Lokasi Lawatan:

UTM Pusat Pengajian Kuching
i-CATS University College, Kuching, Sarawak

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Mohamad Shazali bin Sulaiman, CQS



**Lawatan Penilaian Akreditasi
ke Universiti Teknologi
Malaysia (UTM)
Pusat Pengajian Kota
Kinabalu**

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

UTM Pusat Pengajian Kota Kinabalu

Program "*Bachelor of Quantity Surveying*" Separuh Masa

Tarikh Lawatan:

26.01.2022

Lokasi Lawatan:

UTM Pusat Pengajian Kota Kinabalu

Kolej Teknikal Yayasan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

Panel Penilai Akreditasi:

- i. Sr Dr. Ani Saifuza binti Abd Shukur, PQS



**Lawatan Penilaian Akreditasi
ke Universiti Tunku Abdul
Rahman (UTAR)
Kampus Cawangan Sungai
Long**

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

Universiti Tunku Abdul Rahman Kampus Sg. Long

Program "*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying*"
(MQA/FA 8841)

Tarikh Lawatan:

21 – 23.03.2022

Lokasi Lawatan:

Secara dalam talian

Panel Penilai Akreditasi:

- i. Sr Nik Zainal Alam bin Hasan, CQS (Pengerusi)
- ii. Sr Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly, PQS
- iii. Sr Dr. Wan Azlina binti Ibrahim, CQS
- iv. Sr Dr. Siti Mazzuana binti Shamsuddin, PQS



Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:
Sheffield Hallam University, United Kingdom
Program "BSc (Hons) Quantity Surveying"

Tarikh Lawatan:

23 – 24.03.2022

Lokasi Lawatan:

Secara dalam talian

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Wan Ainon Zuraiha binti Wan Abd Khalid, CQS (Pengerusi)
- Sr Dr. Norazian binti Mohd Yusuwan, PQS
- Sr Ahmad Suhaimi bin Abdul Majid, CQS
- Sr Ruaidah binti Idris, PQS
- Sr Dr. Ani Saifuza binti Abd Shukor, PQS



MINI DIALOG BERSAMA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) PROGRAM UKUR BAHAN

Pengenalan

Mini Dialog Bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Program Ukur Bahan adalah merupakan satu program anjuran Majlis Akreditasi Ukur Bahan yang diadakan bagi tujuan perbincangan berkenaan isu melibatkan program ukur bahan dihadiri sesi ini oleh wakil daripada universiti awam dan swasta yang mengendalikan program ukur bahan yang diiktiraf di Malaysia.

Objektif

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- Makluman kepada PPT berkenaan penilaian akreditasi semasa yang dikendalikan oleh LJBM;
- Makluman kepada PPT mengenai status program ukur bahan yang diiktiraf oleh LJBM; dan
- Mendapatkan maklum balas daripada PPT mengenai pengendalian program ukur bahan yang dikendalikan.

LOKASI: Diadakan secara hybrid (fizikal dan secara dalam talian)



Fizikal (lokasi):
The Everly Putrajaya



Secara dalam talian (platform):
Cisco Webex Meeting

**19.05
2022**



20 orang
Peserta



79 orang
Peserta

Penglibatan

- Majlis Akreditasi Ukur Bahan
- Lembaga Pendidikan & Akreditasi, Royal Institution of Surveyors Malaysia
- Agensi Kelayakan Malaysia
- Wakil-wakil daripada Pemberi Pendidikan Tinggi Ukur Bahan



BENGKEL PENILAIAN AKREDITASI LAPORAN TAHUNAN PPT UKUR BAHAN

Pengenalan

Bengkel ini bertujuan untuk memberi makluman dan info yang terkini mengenai pengemaskinian rubrik pemarkahan kepada Panel Penilai Akreditasi LJBM.

Objektif

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- Pemakluman mengenai pengemaskinian rubrik pemarkahan bagi penilaian akreditasi laporan tahunan PPT Ukur Bahan.
- Sesi soal-jawab mengenai pengemaskinian rubrik pemarkahan di antara Majlis Akreditasi Ukur Bahan, Lembaga Pendidikan & Akreditasi, Royal Institution of Surveyors Malaysia dan Panel Penilai Akreditasi LJBM.

LOKASI: Diadakan secara hybrid (fizikal dan secara dalam talian)



Fizikal (lokasi):
The Everly Putrajaya



Secara dalam talian (platform):
Cisco Webex Meeting



15 orang
Peserta



25 orang
Peserta

**19.05
2022**

Penglibatan

- Majlis Akreditasi Ukur Bahan
- Lembaga Pendidikan & Akreditasi, Royal Institution of Surveyors Malaysia
- Panel Penilai Akreditasi LJBM



**Lawatan Penilaian Akreditasi
ke Northumbria University,
United Kingdom**

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:
Northumbria University, United Kingdom
Program "*Bachelor of Science (Hons) Quantity Surveying*"

Tarikh Lawatan:
23 – 24.05.2022

Lokasi Lawatan:
Secara dalam talian

Panel Penilai Akreditasi:

- Prof Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim, CQS (Pengerusi)
- Prof Madya Sr Dr. Mohd Suhaimi bin Mohd Danuri, CQS
- Sr Mohamad Shazali bin Sulaiman, CQS



**Lawatan Penilaian Akreditasi
ke Heriot-Watt University
Malaysia**

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:
Heriot-Watt University Malaysia
Program "*Bachelor of Science (Hons) in Quantity Surveying*" (MQA/FA 4369)

Tarikh Lawatan:
29 – 30.06.2022

Lokasi Lawatan:
Heriot-Watt University Malaysia
Presint 5, Putrajaya

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Dr. Fadhlin binti Abdullah, CQS
- Sr Dr. Norazian binti Mohd Yusuwan, PQS
- Sr Masnizan bin Che Mat, CQS
- Sr Richard Ooi Hoo Ong, CQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke Infrastructure University Kuala Lumpur

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

Infrastructure University Kuala Lumpur
Kajang, Selangor

Program "Bachelor of Quantity Surveying (Hons)" (MQA/FA 3500-02)

Tarikh Lawatan:

20 – 21.07.2022

Lokasi Lawatan:

Secara dalam talian

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Roziyah binti Ismail, CQS (Pengerusi)
- Sr Nor Azlinda binti Mohamed Sabli, PQS
- Sr Badrulshah bin Ismail, CQS
- Sr Ina binti Abu Bakar, CQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke University of the West of England, United Kingdom

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Semula

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

University of the West of England, United Kingdom

Program "BSc (Hons) Quantity Surveying and Commercial Management"

Tarikh Lawatan:

24.05 – 06.09.2022

Lokasi Lawatan:

Secara dalam talian

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Dr. Wan Maimun binti Wan Abdullah, CQS (Pengerusi)
- Prof Madya Sr Dr. Faizul Azli bin Mohd Rahim, CQS
- Sr Nik Hasbi Fathi bin Nik Husain Fathi, CQS
- Sr Siti Baizura binti Mohamad Noor, CQS
- Sr Dr. Fara Diva binti Mustapa, CQS



BENGKEL PANEL PENILAI AKREDITASI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA UKUR BAHAN / SIRI 3

Pengenalan

Bengkel ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada penilai Akademik dalam menilai kurikulum program Ijazah dan Diploma Ukur Bahan.

Objektif

Objektif bengkel ini diadakan adalah seperti berikut:

- Memberi pendedahan kepada calon-calon Panel Penilai mengenai proses akreditasi yang dikendalikan oleh LJBM;
- Latih tubi bagi penyediaan laporan akreditasi program Ijazah dan Diploma Ukur Bahan.

LOKASI: Diadakan secara hybrid (fizikal dan secara dalam talian)



Fizikal (lokasi):
**Bilik Mawar 3, Tingkat 12,
Blok B, Kementerian Kerja Raya,
Kuala Lumpur**



Secara dalam talian (platform):
Cisco Webex Meeting

**19.09
2022**



84 orang
Peserta



18 orang
Peserta

Penglibatan

- Majlis Akreditasi Ukur Bahan
- Agensi Kelayakan Malaysia (wakil)
- Pensyarah Ukur Bahan daripada Pemberi Pendidikan Tinggi Ukur Bahan
- Juruukur Bahan daripada Badan Kerajaan & Swasta





Lawatan Penilaian Akreditasi ke Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak

Penilaian Permohonan Akreditasi Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

Universiti Malaysia Sarawak

Kota Samarahan, Sarawak

Program "Bachelor in Quantity Surveying with Honours" (MQA/FA 11148)

Tarikh Lawatan:

27 – 28.09.2022

Lokasi Lawatan:

Universiti Malaysia Sarawak

Kota Samarahan, Sarawak

Panel Penilai Akreditasi:

- i. Sr Kwan Hock Hai, CQS (Pengerusi)
- ii. Sr Khairani binti Ahmad, CQS
- iii. Sr Dr. Anis Sazira binti Bakri, PQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke International Islamic University Malaysia

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:
International Islamic University Malaysia
Program "Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)"
(MQA/FA 13033-01)

Tarikh Lawatan:
09.11.2022

Lokasi Lawatan:
International Islamic University Malaysia

Panel Penilai Akreditasi:

- i. Sr Nik Zainal Alam bin Hasan, CQS
- ii. Prof. Madya Sr Dr. Faridah binti Ismail, CQS
- iii. Sr Dr. Siti Suhana binti Judi, CQS
- iv. Sr Amnah binti Mohammed Salleh, CQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke Universiti UCSI

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:
Universiti UCSI
Program "Bachelor of Quantity Surveying (Hons)" (MQA/FA 8395)

Tarikh Lawatan:
23 – 24.11.2022

Lokasi Lawatan:
Universiti UCSI

Panel Penilai Akreditasi:

- i. Sr Khairani binti Ahmad, CQS
- ii. Prof. Madya Sr Dr. Hafez bin Salleh, CQS
- iii. Sr Wan Mas Ruhi binti Wan Addnan, CQS
- iv. Sr Zailawati binti Khalid, CQS



Lawatan Penilaian Akreditasi ke Curtin University Malaysia

Penilaian
Permohonan
Akreditasi
Penuh

Nama Pemberi Pendidikan Tinggi/Program:

Curtin University Malaysia
Program "Bachelor of Applied Science
(Construction Management) (Honours)" (MQA/FA 10083)

Tarikh Lawatan:

01 – 02.12.2022

Lokasi Lawatan:

Curtin University Malaysia

Panel Penilai Akreditasi:

- Sr Dr. Fadhlin binti Abdullah, CQS
- Prof. Sr Dr. Kherun Nita binti Ali, PQS
- Sr Dr. Siti Mazzuana binti Shamsudin, PQS
- Sr Kamarudin bin Sulaiman, CQS

MAJLIS ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG UKUR BAHAN LJBM (Sempena Hari Profesion Teknikal Negara 2022)

Pengenalan

Jemputan Pencalonan Anugerah dihantar kepada semua PPT Program Diploma & Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh LJBM untuk menamakan seorang (1) pelajar tahun akhir yang paling cemerlang/terbaik.

Kriteria Anugerah

Kriteria anugerah adalah seperti berikut:

Pencapaian Akademik

- Memperoleh keputusan PNGK akhir 3.50 ke atas;
- Memperoleh Gred 'A' dalam Disertasi/Tesis/Projek Akhir;
- Aktif melibatkan diri di dalam aktiviti/pertandingan berkaitan akademik seperti pertandingan BIM, *project management competition* dan sebagainya di peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa; dan
- Menerbitkan artikel (prosiding, majalah, akhbar dan lain-lain) atau membenteng poster berkaitan kajian akademik (kriteria nilai tambah).

Pencapaian Bukan Akademik

- Aktif dalam kokurikulum seperti persatuan/kelab, sukan dan kesenian di peringkat universiti/kebangsaan/antarabangsa;
- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan;
- Melibatkan diri di dalam aktiviti sukarelawan;
- Melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti anjuran LJBM, RISM dan sebagainya; dan
- Melibatkan diri di dalam pelbagai pertandingan bukan akademik anjuran agensi atau badan-badan lain seperti CIDB, RISM, atau badan-badan antarabangsa seperti RICS, CIDB dan lain-lain.

Lain-lain Kriteria

- Tidak mempunyai rekod tindakan disiplin oleh pihak universiti; dan
- Dicadang oleh Ketua Jabatan/Program dan disokong oleh Dekan/Pengarah.



Lokasi:

Bilik Delima 2, Tingkat 1, Menara Kerja Raya 2 (Blok G)

20.12
2022

Penglibatan

- Yang DiPertua LJBM Sesi 20
- Ahli Lembaga Sesi 20
- Ahli Majlis Akreditasi Ukur Bahan

SENARAI PEMENANG

KATEGORI

IJAZAH SARJANA MUDA UKUR BAHAN

TAN SHI YEN
Universiti Malaya

SIM YI CHENG
Universiti Tunku
Abdul Rahman

YEW YEE FANG
Tunku Abdul Rahman
University College

KATEGORI

DIPLOMA UKUR BAHAN

**WHYDA WAHDIRA
BINTI AZHAR**
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Cawangan Perak

**SITI NURSHAFIQAH
BINTI HASSAN**
Politeknik
Kota Kinabalu



MAJLIS PEPERIKSAAN UKUR BAHAN (QSEC)

STATISTIK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN TIER-II

MAJLIS PEPERIKSAAN UKUR BAHAN (QSEC) | BAGI TAHUN 2022

Keputusan Peperiksaan Sesi Februari 2022

11

Lulus

22

Gagal

33

Jumlah Calon

33%

Peratus Lulus

Taklimat Penyediaan Peperiksaan Tier-II Secara Dalam Talian (Online)

Pengenalan:

- Taklimat ini diadakan bagi membantu calon untuk membuat persediaan sebelum menduduki peperiksaan. Ianya diadakan 3 minggu sebelum tarikh peperiksaan.
- Taklimat ini diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Cisco Webex*.

SESI FEBRUARI 2022

Lokasi: **Secara dalam talian**

Aplikasi: **Cisco Webex**

Tarikh: **21.01.2022**

Masa: **9.00 pagi – 1.00 petang**



18 orang
Peserta



Peperiksaan Tier-II CQS

Pengenalan:

- Peperiksaan Tier-II adalah peperiksaan profesional yang perlu diduduki oleh ahli-ahli yang ingin menaiktaraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan *Consultant*.
- Selain itu, Peperiksaan ini juga dibuka kepada Juruukur Bahan *Professional* berdaftar melalui *Skim Special Route*.

SESI FEBRUARI 2022


Lokasi: **Bilik Mawar 3, Aras 12, Blok B, Kementerian Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur**

Tarikh: **21.02.2022**

Masa: **- 9.00 pagi – 12.00 tengahari (*Professional Practice I*)**
- 2.00 petang – 5.00 petang (*Professional Practice II a & b*)

Objektif:

- Skim penilaian bagi Juruukur Bahan *Professional* yang ingin menaik taraf pendaftaran ke Juruukur Bahan *Consultant*.
- Melahirkan Juruukur Bahan *Consultant* yang beretika dan berkualiti.



Keputusan Peperiksaan Sesi September 2022

40
Lulus

11
Gagal

51
Jumlah Calon

78%
Peratus Lulus

Taklimat Penyediaan Peperiksaan Tier-II Secara Dalam Talian (Online)

Pengenalan:

- Taklimat ini diadakan bagi membantu calon untuk membuat persediaan sebelum menduduki peperiksaan. Ianya diadakan 3 minggu sebelum tarikh peperiksaan.
- Taklimat ini diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Cisco Webex.

SESI SEPTEMBER 2022

Lokasi: **Secara dalam talian**


Aplikasi: **Cisco Webex**

Tarikh: **23.08.2022**

Masa: **2.00 petang – 6.00 petang**



42 orang
Peserta



Peperiksaan Tier-II CQS

Pengenalan:

- Peperiksaan Tier-II adalah peperiksaan profesional yang perlu diduduki oleh ahli-ahli yang ingin menaik taraf pendaftaran sebagai Juruukur Bahan *Consultant*.
- Selain itu, Peperiksaan ini juga dibuka kepada Juruukur Bahan *Professional* berdaftar melalui *Skim Special Route*.

SESI SEPTEMBER 2022

Lokasi: **Studio Ukur Bahan 1 & Studio Ukur Bangunan 3 & 4, Tingkat 7, Mercu Alam Bina, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur.**

Tarikh: **20.09.2022**

Masa: **– 9.00 pagi – 12.00 tengahari (Professional Practice I)**
– 2.00 petang – 5.00 petang (Professional Practice II a & b)

Objektif:

- Skim penilaian bagi Juruukur Bahan *Professional* yang ingin menaik taraf pendaftaran ke Juruukur Bahan *Consultant*.
- Melahirkan Juruukur Bahan *Consultant* yang beretika dan berkualiti.



JAWATANKUASA AKTA DAN PERATURAN & HAL EHWAL ANTARABANGSA (ARIA)

Sesi Penerangan dan Penglibatan dalam Proses Penetapan Status Sub Sektor Perkhidmatan Profesional dalam *Malaysia Productivity Blueprint*

21.09
2022



5 orang peserta
Wakil daripada MPC



6 orang peserta
Wakil Jawatankuasa ARIA (LJBM)



Lokasi:
Bilik Perdana, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat MPC



JAWATANKUASA CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

WEBINAR LJBM 2022: PEROLEHAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK PERUNDING

Tarikh: 25.02.2022
Penceramah: Sr Rogayah binti Yunus, CQS
Kaedah Penganjuran/Lokasi: Secara dalam talian
Mata CPD: 4



374 Jumlah Peserta



WEBINAR LJBM 2022 - KAEDAH PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF (ADR) DAN TUNTUTAN BAYARAN DALAM INDUSTRI BINAAN

Tarikh: 31.03.2022
Penceramah: Dr. Zul Zakiyuddin bin Ahmad Rashid
Kaedah Penganjuran/Lokasi: Secara dalam talian
Mata CPD: 4



213 Jumlah Peserta



WEBINAR LJBM 2022 – PENTADBIRAN KONTRAK SECARA REKA DAN BINA

Tarikh: 31.05.2022
Penceramah: Sr Hilmisofli bin Alias, CQS
Kaedah Penganjuran/Lokasi: Secara dalam talian
Mata CPD: 4



498 Jumlah Peserta



WEBINAR LJBM 2022 – ISU-ISU PERUBAHAN KERJA DAN TUNTUTAN KONTRAK

Tarikh: 30.06.2022
Penceramah: Sr Noliza binti Din, PQS
Kaedah Penganjuran/Lokasi: Secara dalam talian
Mata CPD: 4



624 Jumlah Peserta




WEBINAR LJBM 2022 - PELAKSANAAN SYARAT PERUBAHAN HARGA (VARIATION OF PRICE) & INISIATIF TAMBAHAN KERAJAAN PASCA PANDEMIK DALAM KONTRAK KERJA KERAJAAN

Tarikh: 22.09.2022
Penceramah: a) Sr Dr. Wan Azlina binti Hj Ibrahim, CQS
 b) Puan Khadijah binti Mohd Sarkawi
 c) Puan Nurhafiza binti Abu Yaziz

Kaedah Penganjuran/Lokasi: Secara dalam talian
Mata CPD: 4



740 Jumlah Peserta



COMMON CONSTRUCTION CONTRACT ISSUES DISCUSSED

Tarikh: 01 & 02.11.2022
Penceramah: Sr Jaspal Singh a/I Nachatar Singh, CQS

Kaedah Penganjuran/Lokasi: Hotel Premiera, Kuala Lumpur

Mata CPD: 8



165 Jumlah Peserta



HANDLING FINANCIAL AND COMPLETION ISSUES IN CONSTRUCTION CONTRACTS

Tarikh: 27 & 28.12.2022
Penceramah: Ir Harbans Singh, K.S.
Kaedah Penganjuran/Lokasi: Hotel Premiera, Kuala Lumpur

Mata CPD: 8



290 Jumlah Peserta



JAWATANKUASA PENERBITAN DAN IT

PROJEK: PEMBANGUNAN LAMAN WEB BAHARU LJBM

Pengenalan

Laman Web Baharu LJBM telah ditauliahkan secara rasmi pada 22.07.2022. Pembangunan Laman Web Baharu adalah merupakan satu inisiatif LJBM untuk meningkatkan prestasi dan kualiti informasi kepada pengguna Juruukur Bahan Berdaftar serta pengguna awam. Laman Web Baharu LJBM ini bertindak sebagai pintu gerbang bagi pendaftaran baharu atau pengguna semasa untuk log masuk ke dalam Sistem ReQSys 2.0 bagi tujuan pendaftaran, pembaharuan pendaftaran, program CPD dan Modul *MyProfessional Journey* (MyPJ).

Tarikh	Aktiviti Pelaksanaan Projek
15.12.2021	Mesyuarat <i>Kick-off</i>
11.01.2022	Sesi Mendapatkan Maklumat Keperluan Integrasi Laman Web Baharu dengan Sistem ReQSys
19.01.2022	Sesi <i>User Requirement Specification</i> (URS)
07.02.2022	Sesi Semakan <i>Sitemap & Wireframe</i> (Review 1)
21.02.2022	Sesi Semakan <i>Sitemap & Wireframe</i> (Review 2)
01.03.2022	Pengemukaan dokumen reka bentuk untuk pengesahan LJBM bersama pindaan pada reka bentuk yang lengkap
15.04.2022	Mesyuarat Pemantauan Projek Bil. 1
17.05.2022	Mesyuarat Pemantauan Projek Bil. 2
28 – 29.06.2022	Sesi <i>User Acceptance Test</i> (UAT)
05.07.2022	Sesi <i>Provisional Acceptance Test</i> (PAT)
15.07.2022	Sesi <i>Final Acceptance Test</i> (FAT)
22.07.2022	Laman Web Baharu LJBM telah ditauliahkan (<i>go-live</i>)




PROJEK: PEMBANGUNAN TIGA MODUL (APC, ONLINE ETHICS ASSESSMENT DAN MyPROFESSIONAL JOURNEY)

Pengenalan

Modul *MyProfessional Journey* telah dilancarkan secara dalam talian melalui program pada 14.03.2023. Program ini adalah kerjasama di antara Jawatankuasa Pendaftaran & Kelayakan, Jawatankuasa Kecil *Assessment Professional Competence* (APC), Jawatankuasa Kecil Penyelaras & Pelaksanaan *Online Ethics Assessment* (OEA), Jawatankuasa Penerbitan & IT dan Jawatankuasa CPD. Pembangunan tiga modul ini merupakan inisiatif LJBM dalam mentransformasi ke arah pendigitalan bagi pelaksanaan ketiga-tiga modul tersebut.

Tarikh	Aktiviti Pelaksanaan Projek
05.04.2022	Mesyuarat <i>Kick-off</i>
11.04.2022	Sesi <i>User Requirement Specification</i> (URS)
12.04.2022	Sesi (URS) bersama Jawatankuasa Pendaftaran & Kelayakan
14.04.2022	Sesi (URS) bersama Unit Kewangan LJBM
25.04.2022	Sesi <i>Business Requirement Study</i> (BRS)
24.05.2022	Sesi <i>System Requirement Specification</i> (SRS)
30.06.2022	Sesi <i>System Design Specification</i> (SDS)
20.07.2022	Sesi SDS (Sesi Semakan ke-2)
11.08.2022	Sesi Perbincangan Mengenai Projek Tiga Modul (Modul APC)
28.09.2022	Sesi <i>User Acceptance Testing</i> (UAT)
01.11.2022	Sesi <i>Provisional Acceptance Testing</i> (PAT)
29.11.2022	Sesi <i>Final Acceptance Testing</i> (FAT)
01.12.2022	Sistem Go-Live (Sekretariat)
14 – 15.12.2022	Sesi Latihan Pengguna <i>Transfer of Technology</i> (TOT)
14.03.2023	Dilancarkan dan sedia untuk diakses oleh pengguna berkaitan



11.04.2022 – Sesi *User Requirement Specification* (URS)



12.04.2022 – Sesi (URS) bersama Jawatankuasa Pendaftaran & Kelayakan



11.08.2022 – Sesi Perbincangan Mengenai Projek Tiga Modul (Modul APC)



28.09.2022- Sesi User Acceptance Testing (UAT)



01.11.2022 – Sesi Provisional Acceptance Testing (PAT)




01.11.2022 – Sesi Provisional Acceptance Testing (PAT)



14 – 15.12.2022 – Sesi Latihan Pengguna Transfer of Technology (TOT)




14.03.2023 – Dilancarkan dan sedia untuk diakses oleh pengguna berkaitan



PENYATA KEWANGAN 2022

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 64 hingga 86.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Juruukur Bahan Malaysia;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Lembaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Lembaga, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
31 OKTOBER 2023



PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI LEMBAGA LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Kami **DATUK Sr HAJI AMRAN BIN HAJI MOHD MAJID** dan **Sr MUHAMAD ZULAZHAR BIN MOHD GHAZALI** yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Lembaga, **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Juruukur Bahan Malaysia yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....
**DATO' Sr HAJI AMRAN BIN HAJI
MOHD MAJID**

YANG DIPERTUA

20 OCT 2023

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

.....
**Sr MUHAMAD ZULAZHAR BIN MOHD
GHAZALI**

AHLI LEMBAGA

20 OCT 2023

KUALA LUMPUR


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

Saya, **Sr Dr. Wan Azlina Binti Ibrahim**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **KUALA LUMPUR**)
WILAYAH PERSEKUTUAN)
pada **19 OCT 2023**)

Di hadapan saya




PESURUHJAYA SUMPAH
Lot 1:14, Tingkat Bawah
Bangunan Medan MARA
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		2022	2021
	Nota	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	6	3,497,883	73,908
Aset kewangan sedia dijual	7	3,105,566	5,659,580
Aset tak ketara	8	675,914	88,375
Kerja dalam pembangunan	9	-	195,188
		7,279,363	6,017,051
ASET SEMASA			
Inventori	10	22,205	24,596
Akaun belum terima bagi urusanniaga pertukaran	11	465,141	461,995
Akaun belum terima lain bagi urusanniaga pertukaran	12	326,379	150,256
Aset kewangan sedia dijual	7	-	725,868
Tunai dan baki bank	13	2,257,285	2,425,124
Aset cukai semasa		18,899	18,452
		3,089,909	3,806,291
JUMLAH ASET		10,369,272	9,823,342
LIABILITI SEMASA			
Akaun belum bayar bagi urusanniaga pertukaran	14	837,985	918,385
Akaun belum bayar bagi urusanniaga bukan pertukaran	15	538,193	601,701
Pendapatan tertunda	16	-	238,564
		1,376,178	1,758,650
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan manfaat kakitangan	17	32,402	59,436
		32,402	59,436
JUMLAH LIABILITI		1,408,580	1,818,086
ASET BERSIH		8,960,692	8,005,256
EKUITI			
Dana terkumpul		8,960,692	8,005,256
		8,960,692	8,005,256

Nota-nota di muka surat 64 hingga 86 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		2022	2021
	Nota	RM	RM
(Dinyatakan Semula)			
HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN			
Yuran ahli	18	2,395,350	2,248,600
Yuran program <i>Continuing Professional Development</i> (CPD)		587,900	56,950
Yuran dan pelbagai pendapatan program PQRS tahun sebelum		-	327,862
Pendapatan faedah	19	165,919	164,796
Pelbagai pendapatan	20	369,095	180,864
		3,518,264	2,979,072
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN			
Hasil daripada terimaan geran untuk pembangunan sistem SAGA		238,564	195,188
Jumlah Pendapatan		3,756,828	3,174,260
PERBELANJAAN			
Emolumen dan elaun kakitangan	21	1,119,487	1,000,028
Elaun lembaga pengarah	22	133,174	137,386
Perbelanjaan mesyuarat		9,779	3,646
Majlis akreditasi ukur bahan		41,516	35,293
Majlis peperiksaan ukur bahan APC		39,484	21,155
Cop Juruukur bahan		9,840	37,462
Bengkel pengurusan strategik		(36,003)	159,341
Peruntukan gantian cuti rehat	17	(27,034)	19,087
Peruntukan hutang ragu bagi akaun belum terima bagi urusniaga pertukaran	11	468,200	396,400
Kos kewangan		14,456	13,914
Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan		182,034	169,588
Perbelanjaan program <i>Continuing Professional Development</i> (CPD)		201,072	4,364
Perbelanjaan program PQRS tahun sebelum		-	142,872
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6	30,334	17,575
Pelunasan aset tak ketara	8	178,636	44,000
Perbelanjaan lain	23	406,264	82,746
Jumlah Perbelanjaan		2,771,239	2,284,857
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		985,589	889,403
Cukai pendapatan	24	(30,153)	(28,015)
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		955,436	861,388

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

DANA TERKUMPUL**RM**

(Dinyatakan Semula)

Baki pada 1 Januari 2021	7,143,868
Pelarasan tahun sebelum	184,990
Lebih pendapatan selepas cukai tahun semasa	676,398
Baki pada 31 Disember 2021	8,005,256
Lebih pendapatan selepas cukai tahun semasa	955,436
Baki pada 31 Disember 2022	8,960,692

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

		2022	2021
	Nota	RM	RM
(Dinyatakan Semula)			
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih pendapatan sebelum cukai		985,589	889,403
Pelarasan bagi perkara bukan tunai:			
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	6	30,334	17,575
Pelunasan aset tak ketara	8	178,636	44,000
Peruntukan manfaat kakitangan	17	(27,034)	19,087
Peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli	11	468,200	396,400
Hapus kira akaun belum terima bagi urusniaga pertukaran		(396,400)	(315,450)
Pelunasan pendapatan tertunda	16	(238,564)	(195,188)
Pelarasan aset yang tidak dipermodalkan	23	38,462	-
Pendapatan faedah	19	(165,919)	(164,796)
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		873,304	691,031
Perubahan dalam modal kerja:			
Pengurangan dalam inventori		2,391	70
Peningkatan dalam akaun belum terima bagi urusniaga pertukaran		(74,946)	(86,350)
(Peningkatan)/Pengurangan dalam akaun belum terima lain bagi urusniaga pertukaran		(176,123)	13,166
Pengurangan dalam akaun belum bayar bagi urusniaga pertukaran		(80,400)	(90,715)
(Pengurangan)/Peningkatan dalam akaun belum bayar lain bagi urusniaga pertukaran		(63,508)	293,523
Tunai dijana daripada operasi		480,718	820,725
Cukai dibayar		(30,600)	(37,274)
Faedah diterima		26,233	23,833
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		476,351	807,284
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	6	(3,492,770)	-
Pembelian aset tak ketara		(570,988)	(5,300)
Peningkatan kerja dalam pembangunan		-	(195,188)
Pendapatan faedah		139,686	-
Pindahan dari akaun utama/simpanan tetap ke pelaburan		2,554,014	(1,000,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(1,370,058)	(1,200,488)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(893,707)	(393,204)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan		3,150,992	3,544,196
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan		2,257,285	3,150,992
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Simpanan tetap	7	-	725,868
Tunai dan baki bank		2,257,285	2,425,124
		2,257,285	3,150,992

Nota-nota di muka surat 64 hingga 86 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

PENYATA PRESTASI BAJET

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar	Varian Bajet	
	Asal	Akhir			
	RM	RM	RM	RM	Nota
HASIL DARIPADA URUSNIAGA PERTUKARAN					
Yuran ahli	1,783,900	1,847,650	2,395,350	(547,700)	5
Yuran program <i>Continuing Professional Development (CPD)</i>	210,500	210,500	587,900	(377,400)	
Keuntungan atas simpanan tetap dan pelaburan	175,000	175,000	165,919	9,081	
Pelbagai pendapatan	509,420	346,170	369,095	(22,925)	
Jumlah Pendapatan	2,678,820	2,579,320	3,518,264	(938,944)	
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN					
Hasil daripada terimaan geran untuk pembangunan sistem SAGA	238,564	238,564	238,564	-	
Jumlah Pendapatan	2,917,384	2,817,884	3,756,828	(938,944)	
PERBELANJAAN					
Emolumen dan elaun kakitangan	1,189,884	1,247,884	1,119,487	128,397	
Elaun lembaga pengarah	168,750	172,275	133,174	39,101	
Perbelanjaan mesyuarat	55,130	15,330	9,779	5,551	
Majlis akreditasi ukur bahan	72,225	72,225	41,516	30,709	
Majlis peperiksaan ukur bahan APC	101,285	101,285	39,484	61,801	
Cop Juruukur bahan	8,000	8,000	9,840	(1,840)	
Peruntukan gantian cuti rehat	15,000	15,000	(27,034)	42,034	
Peruntukan hutang ragu bagi akaun belum terima bagi urusniaga pertukaran	-	-	468,200	(468,200)	5
Kos kewangan	16,000	16,000	14,456	1,544	
Kemudahan penyelenggaraan dan pembaikan	318,221	318,221	182,034	136,187	
Perbelanjaan program <i>Continuing Professional Development (CPD)</i>	119,932	119,932	201,072	(81,140)	
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	25,543	25,543	30,334	(4,791)	
Pelunasan aset tak ketara	153,615	153,615	178,636	(25,021)	
Bengkel pengurusan strategik dan perbelanjaan lain	529,376	507,210	370,261	136,949	5
Jumlah Perbelanjaan	2,772,961	2,772,520	2,771,239	1,281	
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	144,423	45,364	985,589	(940,225)	
Cukai pendapatan	(33,600)	(33,600)	(30,153)	(3,447)	
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI	110,823	11,764	955,436	(943,672)	

Nota-nota di muka surat 64 hingga 86 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan Malaysia 1967 (Pindaan 2015) (Akta 487). LJBM beroperasi di Aras 17, Blok F, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur. LJBM dipimpin oleh seramai 18 orang ahli Lembaga termasuk Yang Dipertua, Pendaftar dan Setiausaha pada sesi ke-20 (2021–2023).

Penyata Kewangan ini telah diluluskan dan diperakukan oleh Ahli Lembaga melalui resolusi pada 20 Oktober 2023.

Fungsi-fungsi utama LJBM menurut Akta 487 adalah seperti berikut:

- a) menyimpan dan menyelenggara daftar;
- b) meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta 487 atau meluluskan mana-mana permohonan yang tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkan patut dikenakan;
- c) memerintah pembatalan, pemotongan atau kemasukan semula menurut Bahagian III dan IV di bawah Akta 487;
- d) menetapkan kadar yuran dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri yang dikenakan oleh Juruukur Bahan Berdaftar kerana nasihat atau perkhidmatan profesional yang diberikan itu;
- e) mendengar dan memutuskan pertikaian-pertikaian berhubung dengan tata kelakuan atau kesusilaan profesional Juruukur Bahan atau melantik suatu jawatankuasa atau seorang atau beberapa orang penimbangtara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian-pertikaian itu;
- f) menentukan dan mengawal tata kelakuan atau kesusilaan profesion juruukur bahan;
- g) memastikan atau mengadakan program-program pembangunan profesional untuk Juruukur Bahan Provisional, Juruukur Bahan Profesional dan Juruukur Bahan Konsultan bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan mengenai pembangunan yang terkini berhubung dengan profesion ukur bahan; dan
- h) pada amnya, melakukan segala perbuatan, perkara dan benda yang perlu bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta 487.

2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan LJBM bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disediakan berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diwajibkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bermula tahun kewangan 2020 seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 seperti berikut:

- | | |
|------------|--|
| – MPSAS 1 | Pembentangan Penyata Kewangan |
| – MPSAS 2 | Penyata Aliran Tunai |
| – MPSAS 3 | Dasar Perakaunan, Perubahan, dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan |
| – MPSAS 17 | Hartanah, Loji dan Peralatan |
| – MPSAS 19 | Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka |
| – MPSAS 20 | Pendedahan Pihak Berkaitan |
| – MPSAS 24 | Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan |
| – MPSAS 25 | Manfaat Pekerja |
| – MPSAS 29 | Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| – MPSAS 30 | Instrumen Kewangan: Pendedahan |
| – MPSAS 33 | First-time Adoption of Accrual Basis MPSASs |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

2. ASAS PERAKAUNAN (bersambung)

2.1 Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.2 Mata wang persembahan dan fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsian untuk LJBM.

3. POLISI PERAKAUNAN

3.1 Hartanah, loji dan peralatan

- a) Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai harta terkumpul. Nilai aset yang bernilai RM2,000 dan ke atas dipermodalkan sebagai aset selaras dengan Pekeliling Kerajaan Malaysia.
- b) Aset tetap yang lain telah disusutnilaikan dengan kadar-kadar yang dikirakan untuk menghapuskan kos mengikut asas garis lurus berasaskan anggaran hayat kegunaan aset yang berkenaan. Kadar-kadar tahunan yang utama digunakan bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

	Kadar susut nilai (%)
Bangunan	2
Perabot dan kelengkapan	10
Peralatan komputer	30

- c) Penilaian hartanah, loji dan peralatan dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada manfaat ekonomi masa hadapan.
- d) Hartanah, loji dan peralatan daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

3.2 Aset kewangan sedia dijual

Aset kewangan sedia dijual adalah merangkumi pelaburan jangka pendek dan jangka panjang yang dinyatakan sebagai aset bukan semasa dan aset semasa sesuai dengan tempoh matang pelaburan dan simpanan tetap. Pelaburan ini dinyatakan pada nilai pasaran.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**
3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)
3.3 Aset tak ketara

- a) Aset tak ketara adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan penjejasan nilai harta terkumpul.
- b) Aset tak ketara telah dilunaskan dengan kadar-kadar yang telah ditetapkan seperti berikut:

	Kadar pelunasan (%)
Sistem dan Aplikasi	30

- c) Aset tak ketara yang berbeza boleh diuji untuk penjejasan nilai pada masa yang berbeza. Bagaimanapun, jika aset tak ketara diiktiraf pada awal tempoh pelaporan semasa, aset tak ketara tersebut hendaklah diuji untuk penjejasan nilai, sebelum akhir tempoh pelaporan semasa.

3.4 Kerja dalam pembangunan

Kerja dalam pembangunan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembangunan ini akan dipindahkan ke aset tak ketara yang berkenaan apabila sijil perakuan siap kerja dikeluarkan.

3.5 Inventori

- a) Inventori adalah diukur pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang melibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu. Pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item inventori dirosotnilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam lebihan atau kurangan.
- b) Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, LJBMM membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.6 Instrumen kewangan

3.6.1 Aset Kewangan

a) **Pengiktirafan dan taksiran awal**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, LJBM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Pengelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah, bagi aset kewangan tidak direkod pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, kos transaksi yang terlibat dalam perolehan aset kewangan tersebut.

b) **Pengukuran berikutnya**

Pengukuran berikutnya untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit

Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

c) **Penjejasan nilai untuk aset kewangan**

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.6.2 Liabiliti kewangan

a) Pengiktirafan dan taksiran awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit atau pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dan pinjaman dan pembiayaan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

b) Pengukuran berikutnya

Pengukuran berikutnya untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Pinjaman dan pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

3.7 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan baki di bank, sementara kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.8 Nilai aset terjejas

Aset bukan semasa akan disemak jika terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai. Kerugian penjejasan nilai dikira apabila amaun yang dibawa melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian penjejasan nilai dicaj ke Penyata Prestasi Kewangan.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset-aset yang dinilai semua dianggap sebagai defisit penilaian terhad kepada kerugian berkenaan tidak melebihi rezab penilaian bagi aset berkaitan. Kebalikan penjejasan nilai berikutan pertambahan nilai yang diperolehinya dihadkan kepada jumlah dibawa jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebarang kebalikan penjejasan nilai diiktirafkan sebagai hasil pada Penyata Prestasi Kewangan. Kebalikan kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai tambahan penilaian terhad kepada amaun yang terdahulunya dinyatakan dalam rezab penilaian aset berkaitan.

3.9 Manfaat kakitangan

a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, insentif dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakkan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

b) Manfaat kakitangan jangka panjang

Gantian Cuti Rehat (GCR) diakru sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan dan liabiliti manfaat kakitangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jumlah maksimum gantian cuti rehat ialah 160 hari.

c) Pelan caruman tetap

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pegawai yang memilih skim KWSP. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perkhidmatan berkaitan telah dilaksanakan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.10 Hasil daripada urusanniaga pertukaran

Hasil daripada urusanniaga pertukaran diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Lembaga dan pendapatan boleh dikira dengan betul. Kriteria pengiktirafan khusus hendaklah juga dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

a) Yuran tahunan dan yuran pendaftaran

Yuran tahunan diiktiraf atas dasar terakru manakala yuran pendaftaran diiktiraf pada tahun ianya diluluskan.

b) Yuran program Continuing Professional Development (CPD)

Yuran program Continuing Professional Development (CPD) diiktiraf atas dasar terakru.

c) Pendapatan faedah

Faedah atas simpanan tetap dan pendapatan faedah lain diterima bagi tahun semasa diiktiraf atas dasar terakru.

d) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai geran tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat. Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambilkira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3.11 Hasil daripada urusanniaga bukan pertukaran

Geran Kerajaan tanpa syarat pelaksanaan spesifik diiktiraf sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.

Geran Kerajaan dengan syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

3.12 Percukaian

Secara umumnya, Lembaga merupakan sebuah organisasi yang bukan berlandaskan keuntungan dan punca pendapatan utamanya merupakan yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Bagaimanapun, Lembaga juga mempunyai punca pendapatan yang lain seperti hasil faedah di mana ianya tidak tergolong di dalam pengecualian menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.12 Percukaian (bersambung)

Cukai pendapatan atas untung atau rugi bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tempoh semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam Penyata Kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh di mana aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke ekuiti.

Aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan masa hadapan yang dikenakan cukai boleh didapati daripada perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak setiap tarikh laporan dan dikurangkan hingga tiada kemungkinan faedah cukai berkaitan akan dicapai.

3.13 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila LJBMM mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

3. POLISI PERAKAUNAN (bersambung)

3.14 Pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan LJBK sekiranya LJBK mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana LJBK dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti yang lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti LJBK sama ada secara langsung atau tidak langsung.

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

4.1 Pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan

Penyediaan penyata kewangan yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah aset yang dilaporkan, pendapatan dan perbelanjaan liabiliti. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

a. Kemerosotan nilai aset kewangan

Akaun-akaun belum terima yang signifikan akan diuji untuk penurunan nilai secara berasingan dengan membuat anggaran aliran tunai yang dijangka dapat diperoleh semula. Akaun-akaun belum terima lain akan dikategorikan kepada kelas-kelas risiko kredit dan diuji untuk penurunan nilai secara bersekali, berdasarkan pengalaman lampau berkaitan statistik kerugian, pengumuran amaun-amaun melebihi tempoh dan tren ekonomi terkini.

b. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat aset dalam jangka hayatnya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhirnya sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

5. MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai dan akruan. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Prestasi Bajet didedahkan secara berasingan berdasarkan asas akruan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

Bajet tahunan asal ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 5 pada 1 November 2021 dan disahkan serta diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bilangan 6 pada 12 November 2021.

Bajet tahunan asal ini telah dipinda dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 10 pada 25 November 2022 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bilangan 10 pada 29 November 2022.

Terdapat varian yang ketara jumlah yang dibajetkan berbanding jumlah sebenar untuk pendapatan yuran ahli dan peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli disebabkan oleh yuran bagi ahli-ahli yang tidak membuat pembaharuan pendaftaran pada tahun 2022 tidak dibajetkan berikutan jumlah tersebut bukanlah menjadi penanda aras kepada jumlah kutipan yuran yang perlu dikutip oleh Jawatankuasa Pendaftaran LJBM. Walaubagaimanapun jumlah telah diimbangi semula dengan peruntukan hutang ragu bagi yuran ahli. Terdapat varian yang ketara juga pada perbelanjaan lain disebabkan oleh beberapa aktiviti yang tidak dijalankan pada tahun 2022 yang menyumbang kepada penjimatan tersebut.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Pada 01.01.2022	Tambahan	Pelupusan/ Pelarasan	Pada 31.12.2022
Kos	RM	RM	RM	RM
Bangunan	-	3,415,445	-	3,415,445
Perabot dan kelengkapan	124,637	10,741	(58,263)	77,115
Peralatan komputer	64,448	66,584	-	131,032
	189,085	3,492,770	(58,263)	3,623,592
<u>Susut nilai terkumpul</u>				
Bangunan	-	5,692	-	5,692
Perabot dan kelengkapan	60,081	9,590	(19,801)	49,870
Peralatan komputer	55,095	15,052	-	70,147
	115,176	30,334	(19,801)	125,709

Nilai bawaan

	Pada 31.12.2022	Pada 31.12.2021
	RM	RM
Bangunan	3,409,753	-
Perabot dan kelengkapan	27,245	64,555
Peralatan komputer	60,885	9,353
	3,497,883	73,908

7. ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

	2022	2021
	RM	RM
Aset Bukan Semasa:		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	-	2,645,917
Amanah Raya Berhad	3,105,566	3,013,663
	3,105,566	5,659,580
Aset Semasa:		
Maybank Islamic Berhad	-	725,868
	3,105,566	6,385,448

Aset kewangan sedia dijual adalah pelaburan dan simpanan tetap bagi tempoh 1 bulan hingga 3 tahun (2021: 1 bulan hingga 3 tahun) dan dikenakan faedah sebanyak 1.50% hingga 3.90% (2021 :1.50% hingga 3.90%).

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

8. ASET TAK KETARA

	Pada 01.01.2022	Tambahan	Pelupusan/ Pelarasan	Pada 31.12.2022
Kos	RM	RM	RM	RM
Sistem dan aplikasi	584,590	766,175	-	1,350,765
	584,590	766,175	-	1,350,765
Susut nilai terkumpul				
Sistem dan aplikasi	496,215	178,636	-	674,851
	496,215	178,636	-	674,851
Nilai bawaan			Pada 31.12.2022	Pada 31.12.2021
			RM	RM
Sistem dan aplikasi			675,914	88,375
			675,914	88,375

Aset tak ketara terdiri daripada Sistem Perakaunan dan Kewangan (SAGA), Sistem Pendaftaran dan Pembaharuan secara Atas Talian (ReQSys), aplikasi Microsoft Office Home serta laman sesawang sementara LJBK. Kos sistem dan aplikasi dilunaskan pada kadar 30% berdasarkan waranti jaminan yang diberikan oleh pihak pembekal.

9. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	195,188	-
Pertambahan:		
Sistem Perakaunan dan Kewangan	238,564	195,188
	433,752	195,188
Tolak:		
Pindahan ke aset tak ketara	(433,752)	-
Baki Pada 31 Disember	-	195,188

Kerja dalam pembangunan yang dinyatakan adalah terdiri daripada kerja-kerja pembangunan sistem perakaunan dan kewangan yang dinilai pada harga kos dan belum disempurnakan sepenuhnya. Kos pembangunan ini akan dipindahkan ke aset tak ketara yang berkenaan apabila sijil perakuan siap kerja dikeluarkan.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

10. INVENTORI

	2022	2021
	RM	RM
Tali leher	18,550	20,580
Keronsang berwarna emas	1,096	1,279
Keronsang berwarna perak	2,489	2,653
Penanda buku	70	84
	22,205	24,596

Inventori terdiri daripada kategori barang siap. Tali leher dijual dengan harga RM100 seunit, keronsang dijual dengan harga RM50 seunit dan penanda buku dijual dengan harga RM10 seunit.

11. AKAUN BELUM TERIMA BAGI URUSNIAGA PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
Ahli-ahli juruukur bahan yang berdaftar	832,765	731,497
Firma juruukur bahan yang berdaftar	100,576	126,898
	933,341	858,395
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(468,200)	(396,400)
	465,141	461,995

Butiran pergerakan akaun peruntukan hutang ragu adalah seperti berikut:

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada awal tahun	396,400	315,450
Tambahan tahun semasa	468,200	396,400
Hapus kira tahun semasa	(396,400)	(315,450)
Baki pada akhir tahun	468,200	396,400

Urusniaga bagi ahli-ahli dan firma yang berdaftar adalah terdiri daripada kutipan yuran pembaharuan, yuran pemulihan pendaftaran dan caj pentadbiran pemulihan pendaftaran belum diterima.

12. AKAUN BELUM TERIMA LAIN BAGI URUSNIAGA PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)
Yuran program <i>Continuing Professional Development</i> (CPD)	282,656	128,126
Deposit pendahuluan sewa mesin pencetak	250	250
Faedah belum terima	-	19,761
Lebih cukai barang dan perkhidmatan (GST) belum terima	3,829	3,829
Lain-lain	39,644	(1,710)
	326,379	150,256

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

13. TUNAI DAN BAKI BANK

	2022	2021
	RM	RM
	(Dinyatakan Semula)	
Wang tunai di tangan:		
Panjar wang runcit	479	642
Baki di bank:		
Maybank Islamic Berhad – Akaun Semasa	578,444	550,232
Maybank Islamic Berhad – Akaun Semasa CPD	666,718	305,234
Maybank Islamic Berhad – Akaun Semasa PQRS	298,034	295,070
Bank Islam Malaysia Berhad – Akaun Semasa	325,046	923,464
CIMB Bank Berhad – Akaun Semasa	388,564	350,482
	2,257,285	2,425,124

14. AKAUN BELUM BAYAR BAGI URUSNIAGA PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
Terimaan terdahulu yuran pembaharuan ahli	316,885	345,735
Terimaan terdahulu yuran pembaharuan firma	421,900	489,600
Terimaan terdahulu yuran pendaftaran ahli	71,000	65,950
Terimaan terdahulu yuran pendaftaran firma	28,200	17,100
	837,985	918,385

Urusniaga ini dinyatakan pada kos yang merupakan pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima. Terimaan terdahulu yuran tahunan dan pendaftaran diiktiraf atas asas akrual.

15. AKAUN BELUM BAYAR LAIN BAGI URUSNIAGA PERTUKARAN

	2022	2021
	RM	RM
	(Dinyatakan Semula)	
Peruntukan untuk yuran audit	15,000	14,540
Peruntukan untuk yuran cukai	5,850	5,700
Elaun mesyuarat terakru	45,931	73,833
Peruntukan sumbangan 10% daripada lebihan kutipan CPD	6,878	6,878
Penyelenggaraan sistem ReQSys 2.0 terakru	72,610	53,000
Yuran MQA kepada RISM	58,500	85,500
Deposit tidak dikenalpasti	223,413	170,649
Emolumen kakitangan terakru	21,429	18,243
Lain-lain belanja terakru	88,582	173,358
	538,193	601,701

Liabiliti bagi tuntutan belum dijelaskan yang masih tertunggak diiktiraf bagi urusniaga bukan pertukaran. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik pembayaran yang diperlukan termasuk belanja-belanja berkaitan ditolak perolehan semula, jika ada, untuk menyelesaikan obligasi semasa pada akhir tempoh pelaporan.

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

16. PENDAPATAN TERTUNDA

	2022	2021
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	238,564	433,752
Tolak: Pelunasan dalam tahun semasa	(238,564)	(195,188)
Baki pada 31 Disember	-	238,564

Terimaan Geran daripada Kementerian Kerja Raya diiktiraf sebagai pendapatan tertunda di Penyata Kedudukan Kewangan dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang memenuhi syarat.

17. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2022	2021
	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)
Baki pada 1 Januari	59,436	40,349
Tambah: Peruntukan tahun semasa	6,453	6,253
Tolak: Pelarasan tahun sebelum	(33,487)	12,834
Baki pada 31 Disember	32,402	59,436
Pecahan peruntukan manfaat kakitangan:		
Ganjaran yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	-	-
Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan	32,402	59,436
Baki pada 31 Disember	32,402	59,436

Peruntukan maafaat kakitangan adalah merupakan peruntukan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang akan dibayar apabila kakitangan sudah mencapai tempoh persaraan selaras dengan peruntukan dalam MPSAS 25. Jumlah maksimum GCR yang dibenarkan setakat 31 Disember 2022 adalah sebanyak 160 hari.

18. YURAN AHLI

	2022	2021
	RM	RM
Yuran pendaftaran	313,200	259,550
Yuran pembaharuan	1,917,200	1,772,000
Yuran pemulihan pendaftaran	164,950	217,050
	2,395,350	2,248,600

19. PENDAPATAN FAEDAH

	2022	2021
	RM	RM
Pulangan pelaburan dan simpanan tetap	139,686	140,963
Faedah dari simpanan tetap	11,962	10,800
Faedah dari akaun semasa	14,271	13,033
	165,919	164,796

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

20. PELBAGAI PENDAPATAN

	2022	2021
	RM	RM
Yuran Majlis Penyampaian Sijil <i>Professional Programme for QS Registration Scheme</i>	8,760	-
Majlis Akreditasi Ukur Bahan	139,897	58,150
Majlis Peperiksaan Ukur Bahan dan APC	82,050	43,000
Kutipan iklan QS-Link	9,500	10,000
Jualan stamper juruukur bahan	35,782	60,956
Seminar <i>Corporate Directors Training Programme</i> (CDTP) dan bengkel	22,000	-
Caj penghantaran dokumen	2,655	6,203
Jualan dokumen	650	10
Jualan kerongsang LJBM	668	-
Jualan tali leher LJBM	-	30
Pendapatan lain	67,133	2,515
	369,095	180,864

21. EMOLUMEN DAN ELAUN KAKITANGAN

	2022	2021
	RM	RM
Gaji	919,553	847,516
Caruman Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)	116,337	105,424
Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	13,136	11,493
Lain-lain ganjaran	70,461	35,595
	1,119,487	1,000,028

LJBM mempunyai 17 orang (2021: 16 orang) kakitangan yang terdiri daripada 17 orang (2021: 13 orang) berstatus tetap dan 2 orang (2021: 3 orang) berstatus kontrak setakat 31 Disember 2022.

22. ELAUN LEMBAGA PENGARAH

	2022	2021
	RM	RM
Elaun mesyuarat	76,315	100,757
Lain-lain manfaat	56,859	36,629
	133,174	137,386

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

23. PERBELANJAAN LAIN

	2022	2021
	RM	RM
Pembaharuan lesen sistem UBS	-	560
Yuran audit	15,000	15,775
Sumbangan kepada <i>Royal Institution of Surveyors Malaysia</i>	8,000	5,000
Yuran seminar <i>Corporate Directors Training Programme (CDTP)</i>	18,900	-
Perkhidmatan pesanan ringkas	389	62
Yuran profesional <i>International Organization for Standardization</i>	6,647	6,088
Yuran perundangan	8,924	6,635
Majlis Penyampaian Sijil Profesional	60,986	-
Yuran perkhidmatan percukaian	5,150	7,260
Hadiah dan cenderamata	7,709	-
Baucar pendaftaran ahli secara pukal	35,500	25,600
Belanja Kongres <i>Pacific Association of Quantity Surveyor</i>	119,144	-
Perbelanjaan Hari Teknikal dan Profesional Negara (STEM)	2,669	-
Yuran Perundingan Jawatankuasa Kajian (CREAM)	33,072	-
Perhubungan dan utiliti	40,487	13,971
Pengangkutan dan perjalanan	-	310
Pelarasan aset yang tidak dipermodalkan	38,462	-
Perbelanjaan lain	5,225	1,485
	406,264	82,746

24. CUKAI PENDAPATAN

	2022	2021
	RM	RM
Cukai bagi tahun kewangan:		
Peruntukan cukai bagi tahun kewangan	28,206	28,015
Kurangan peruntukan cukai tahun lalu	1,947	-
Baki pada 31 Disember	30,153	28,015

Cukai pendapatan Lembaga adalah dikira pada kadar berkanun 17% (2021: 17%) pada anggaran pendapatan cukai boleh ditaksir untuk tahun kewangan.

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang berkenaan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Pindaan 2016) (Akta 487)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

24. CUKAI PENDAPATAN (bersambung)


	2022	2021
	RM	RM
Lebihan pendapatan sebelum cukai	985,589	889,403
Cukai pada kadar berkanun 17% (2021: 17%)	167,550	151,198
Kesan cukai ke atas:		
Pendapatan yang dikecualikan cukai	(610,455)	(511,609)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai	471,111	388,426
Kurangan peruntukan cukai tahun lalu	1,947	-
Cukai bagi tahun kewangan	30,153	28,015

25. PENYATAAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan adalah selaras dengan persembahan dan pengkelasan penyata kewangan tahun lepas kecuali seperti yang dinyatakan berikut:

	Dinyatakan terdahulu	Pelarasan	Dinyatakan semula
	RM	RM	RM
<u>Penyata kedudukan kewangan:</u>			
Aset Semasa			
Akaun belum terima lain bagi urusan pertukaran	265,856	(115,600)	150,256
Tunai dan baki bank	2,130,054	295,070	2,425,124
Liabiliti Semasa			
Akaun belum bayar bagi urusan bukan pertukaran	607,221	(5,520)	601,701
Diwakili oleh:			
Dana terkumpul	7,820,266	184,990	8,005,256
<u>Penyata prestasi kewangan:</u>			
Pendapatan			
Yuran dan pelbagai pendapatan program PQRS tahun sebelum	-	327,862	327,862
Perbelanjaan			
Perbelanjaan program PQRS tahun sebelum	-	142,872	142,872





 **Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur**

 **603-2610 7823
603-2610 8147
603-2610 8140**

 **603-2692 5680**

 **www.bqsm.gov.my**

